

Axiata sasar dapat lesen bank digital

Rakan kongsi dikenal pasti, bakal umum kerjasama

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Axiata Group Bhd dijangka mengumumkan usaha sama ekuiti dengan rakan kongsi yang dikenal pasti dalam tempoh terdekat sejajar dengan usahanya untuk membida lesen perbankan digital.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Izzaddin Idris, berkata Axiata sudah mengenal pasti rakan kongsi yang layak daripada 11 rakan berpotensi yang berminat untuk bekerjasama dengannya untuk tujuan itu.

Beliau berkata, selain usaha sama ekuiti, syarikat telekomunikasi itu juga akan mengumumkan kerjasama komersial dengan beberapa organisasi bagi memantapkan lagi tawaran perkhidmatan perbankan digital.

"Kami sudah mengenal pasti rakan bagi usaha sama ekuiti (untuk bank digital) dan berharap akan mengumumkan dalam beberapa minggu lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengumumkan prestasi kewangan Axiata bagi tahun kewangan 2020 secara maya, semalam.

Axiata mencatatkan keuntungan bersih RM365 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, lebih rendah berbanding RM1.46 bilion pada 2019.

Pendapatannya susut 1.5 peratus kepada RM24.20 bilion berbanding RM24.58 bilion susulan impak langkah kawalan dan sekatan perjalanan bagi membendung penularan COVID-19 mem-

beri cabaran kepada pengedaran dalam pasaran ia beroperasi.

Lembaga Pengarah Axiata juga mengumumkan dividen interim kedua sebanyak lima sen, menjadikan jumlah dividen bagi tahun kewangan 2020 sebanyak tujuh sen.

Ia sekali gus meletakkan Axiata dalam landasan untuk menjadi syarikat yang memberikan dividen tinggi dengan sasaran dividen 20 sen sesaham menjelang 2024.

Mengulas prestasi itu, Izzaddin berkata, walaupun berdepan persekitaran mencabar susulan COVID-19, pendapatan dan keuntungannya kekal utuh.

Beliau berkata, dengan baki tunai RM7.1 bilion memberi keyakinan kepada syarikat telekomunikasi itu untuk berdepan ketidaktentuan dan meneruskan pengembangan dan merebut peluang pertumbuhan.

"Panduan Axiata bagi 2021 ialah (pertumbuhan) satu angka



Izzaddin Idris

yang lebih rendah bagi pendapatan serta pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA), yang mencerminkan keyakinan berhati-hati kami," katanya.

Melangkah ke depan, Izzaddin berkata, Axiata akan terus menyokong aspirasi Malaysia seperti inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MDEB) untuk meningkatkan kapasiti negara ke arah ekonomi digital dan memanfaatkan peluang Revolusi Perindustrian 4.0.

Mengenai pengumuman 5G di bawah MDEB, beliau berkata, Celcom akan terus bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terhadap penubuhan syarikat tujuan khas (SPV) bagi memastikan kejayaan pelaksanaan infrastruktur 5G.